

Mahathir tanggung lawatan ke TLDM di Lumut

IPOH, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dijadualkan melawat Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Lumut esok telah menangguhkan rancangan itu hingga ke satu masa.

Difahamkan, penangguhan itu kerana beliau akan berada di Pulau Pinang untuk merasmikan persidangan agung MIC.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan dikatakan ingin meninjau perkembangan kerja-kerja pembinaan pengkalan itu yang terbesar di Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijadualkan menerima penganugerahan Seri Paduka Cura Simanja Kini (SPCM) — membawa gelaran Dato Seri dari Sultan Perak pada 28 Oktober ini.